

1 Februari 2021  
Untuk Hebahan Segera



**KENYATAAN MEDIA**  
**ISLAMIC RELIEF MALAYSIA**

**SASAR AGIHAN 12,000 PEK MAKANAN MENERUSI PROJEK REZEKI RAMADAN**

**Bangi** – Meneruskan projek bermusim yang dilaksanakan setiap tahun, Islamic Relief Malaysia hari ini melancarkan kempen Rezeki Ramadan dengan slogan #gandakanpahala bertujuan untuk mengumpul dana sebanyak RM2.4 juta bagi membantu golongan rentan menyambut bulan Ramadan yang bakal tiba tidak lama lagi.

Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia, Zairulshahfuddin Zainal Abidin berkata pihaknya bersedia untuk menyalurkan bantuan tersebut walaupun berhadapan dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan Covid-19.

“Secara keseluruhan, projek bantuan pek makanan semasa bulan Ramadan ini bukan sahaja dilaksanakan di dalam Malaysia tetapi juga di negara-negara lain di mana Islamic Relief beroperasi.

“Memberi makan kepada insan lain yang berpuasa adalah sesuatu yang amat digalakkan dalam Islam. Justeru, kempen Rezeki Ramadan ini membuka peluang kepada masyarakat untuk sama-sama membantu golongan memerlukan meringankan beban mereka di bulan Ramadan kelak.

“Tambahan pula, kebanyakan daripada golongan sasaran ini adalah mereka yang amat terjejas dari segi pendapatan dan keadaan ekonomi keluarga mereka, kesan daripada pandemik Covid-19,” jelas Zairulshahfuddin.

Bagi Islamic Relief, kempen Ramadan menjadi kempen yang sangat ditunggu-tunggu oleh orang ramai memandangkan masyarakat berlumba-lumba untuk membuat sumbangan bagi mengejar pahala berganda.

“Tahun ini, melalui penyertaan bersama Islamic Relief Malaysia, kami menyasarkan bantuan sebanyak 12,000 paket makanan di mana 6,000 paket akan diagihkan di Malaysia manakala 6,000 lagi akan diagihkan di 31 buah negara termasuk Syria, Yaman, Somalia, Indonesia, Bangladesh dan lain-lain.

“Manakala untuk keseluruhan operasi Islamic Relief di peringkat global, sebanyak 217,631 paket makanan disasarkan bagi membantu lebih daripada 1 juta penerima manfaat di 32 buah negara.”

Menurut Zairulshahfuddin lagi, negara-negara yang bakal menerima paket bantuan makanan itu memenuhi kriteria tertentu seperti; negara yang mempunyai populasi yang tinggi dan mengalami ancaman nutrisi dan makanan, negara yang menghadapi kemelesetan ekonomi dan menampung jumlah penduduk yang tinggi, tinggal di bawah paras kemiskinan dan juga negara yang mengalami krisis kemanusiaan yang berterusan.

Bagi kempen Rezeki Ramadan #gandakanpahala yang bermula 1 Februari sehingga 12 Mei 2021 ini, Islamic Relief Malaysia menyediakan tiga pakej sumbangan seperti maklumat berikut:

Pakej	Penerangan
<b>#kongsirezeki Ramadan</b>	Sumbangan serendah RM5
<b>Pek Makanan RM200</b>	Malaysia, Sri Lanka, Sudan, Bangladesh (rakyat tempatan & pelarian Myanmar), Chechnya, India, Lubnan, Nepal, Bosnia, Afrika Selatan, Tunisia, Albania, Kosova, Malawi, Jordan
<b>Pek Makanan RM300</b>	Syria, Niger, Myanmar, Ethiopia, Indonesia, Pakistan, Filipina, Kenya, Macedonia, Mali, Palestin (Gaza), Sepanyol, Turki, Afghanistan, Sudan Selatan, Somalia, Yaman

Orang ramai yang ingin menyumbang untuk pakej bantuan paket makanan Rezeki Ramadan #gandakanpahala boleh berbuat demikian di laman sesawang [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi 03-8926 3434 untuk maklumat lanjut.

### **Pek Makanan Ramadan**

Projek bantuan pek makanan Ramadan merupakan program bermusim yang dilaksanakan oleh Islamic Relief dalam menyediakan makanan asas kepada penerima manfaat daripada pelbagai negara untuk bekalan sepanjang bulan Ramadan. Ia meliputi makanan asas seperti beras, tepung, jagung, pasta, bijirin, kekacang, daging dalam tin, minyak masak, gula, uncang teh, dan kurma mengikut keperluan asas negara masing-masing.

Pada tahun 2020, Islamic Relief secara global telah mengagihkan sebanyak 164,824 pek makanan yang memberi manfaat kepada lebih 900 ribu individu di 30 buah negara dan untuk agihan di dalam negara, Islamic Relief Malaysia telah mengagihkan sebanyak 5,722 pek makanan di beberapa buah negeri.

### **Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

### **Mengenai Islamic Relief Malaysia**

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan Islamic Relief Malaysia, sila layari laman web rasmi [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi talian tetap 03-8926 3434.

Sebarang sumbangan boleh disalurkan melalui beberapa kaedah berikut:

**1) Melalui akaun Islamic Relief Malaysia:**

MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704

MBSB BANK | 1005 0251 0000 0166

CIMB ISLAMIC | 860 2073818

BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3

AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4

BANK RAKYAT | 11080 10000 35

**2) Sumbangan Tunai atau Kad Kredit di Charity Shoppe**

**3) Platform Atas Talian:**

Laman Web Islamic Relief Malaysia | LaunchGood | Give.Asia | Kitafund | Shopee | Grab |

TouchNGo | SnapNPay

Fikir KEMANUSIAAN, Fikir ISLAMIC RELIEF!

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,

Ketua Pegawai Eksekutif  
Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

Dikeluarkan oleh,

**Islamic Relief Malaysia-Reg No: 657354-W**

**A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,**

**Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Bahagian Komunikasi Strategik**

di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau

emel: [Malaysia.Media@islamic-relief.org.my](mailto:Malaysia.Media@islamic-relief.org.my)

Aduan atau maklum balas: [feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my](mailto:feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my) atau

WhatsApp: [+6019-630 9788](tel:+6019-630 9788)